

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.8

PENENTUAN KADAR DUA *MARHALAH*, *QARYAH* DAN *BALAD* DARI PERSPEKTIF FIQH SEMASA

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-118 berkenaan Penentuan Kadar Dua *Marhalah*, *Qaryah* Dan *Balad* dari perspektif fiqh semasa berpandangan seperti berikut:

- A) Penetapan kadar dua (2) *marhalah* adalah sebanyak 81 km (*taqribi*)

- b) Persempadanan dan penentuan *qaryah* adalah berdasarkan persempadanan kariah masjid / surau diri Jumaat (SDJ) yang telah diperaku oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

- c) **Harus** menggunakan nilai 11 km (termasuk 81 km) dari titik mula musafir bagi persempadanan *qaryah* dan *balad*.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (63)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak